

Harga ikan jauh lebih murah

Sinar Harian 29/11/2018 m/s 8

Perkhidmatan ECRL mampu kurangkan kos logistik pengedaran ikan ke Lembah Klang

SITI ZUBAIDAH MAT ISA

SHAH ALAM - Kemudahan Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) boleh digunakan sebagai satu cara pengangkutan untuk membawa hasil perikanan dari Pantai Timur ke ibu negara dengan lebih pantas dan murah.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat), Ahmad Rudin Hussain berkata, jaringan perkhidmatan tren ECRL yang bakal merentasi Kelantan, Terengganu dan Pahang ke Lembah Klang membantu pengedaran pelbagai produk dan komoditi dengan perkhidmatan kargo yang disediakan.

"Nelayan yang mendaratkan ikan di Kompleks Pendaratan Ikan LKIM Tok Bali contohnya akan dapat menghantar hasil tangkapan terus ke Lembah Klang.

"Ini membantu memudahkan mereka memasarkan ke negeri di selatan dan pantai barat Semenanjung," katanya dalam kenyataan media, semalam.

Katanya, mengikut rekod, trend pendaratan ikan di Tok Bali mencatatkan peningkatan semenjak 2014. Sebelum ini, hasil tangkapan di sana dihantar terus ke negara jiran kerana ianya lebih dekat.

"Dengan adanya ECRL kos

membawa hasil tangkapan dapat disingkatkan dari lapan jam (menaiki lori) kepada empat jam sekali gus mengurangkan kos pengangkutan pengedaran.

"Kewujudan ECRL juga akan menjadi 'game changer' yang mampu meningkatkan bekalan ikan ke seluruh

negara. Ini kerana Lembah Klang adalah pusat pengumpulan utama sebelum pengedaran ke seluruh negara," katanya.

Ahmad Rudin berkata, ketika ini, ikan dari Pantai Timur amat berkurangan di pasaran Lembah Klang kerana faktor kos pengangkutan dan masa penghantaran.


Secara dasarnya, sistem pengangkutan yang efisien akan memberi kelebihan kepada nelayan dan membantu mengurangkan lapisan di sepanjang rantai nilai, seterusnya mengurangkan harga ikan kepada pengguna.

Ianya sekali gus membidas kenyataan Naib Presiden PKR, Rafizi Ramli yang mengkritik kenyataan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek yang berkata ECRL akan menurunkan harga ikan di Lembah Klang.

Pada perkembangan sama, Pengerusi Pertubuhan Penggerak



AHMAD RUDIN



Jajaran ECRL yang menghubungkan negeri di Pantai Timur ke Lembah Klang akan menjadi pemangkin ekonomi dan turut mempengaruhi penurunan kos pengangkutan penghantaran ikan segar.

Nadi Rakyat, Syed Rosli Jamalullail menyifatkan serangan Rafizi dengan mengkritik secara membuta tuli itu tidak lebih kepada sifat cemburunya terhadap anak Kemaman lain terutama Ahmad Shabery.

Sebelum ini, Ahmad Shabery dilaporkan berkata, harga ikan di negara ini dijangka akan lebih murah selepas siapnya projek ECRL ekoran kos pengangkutan yang dapat di jimatkan.

Jajaran ECRL yang menghubungkan negeri Pantai Timur ke Lembah Klang akan menjadi pemangkin ekonomi dan turut mempengaruhi penurunan kos pengangkutan penghantaran ikan segar.

Ikan di Tok Bali boleh dipasarkan terus ke Lembah Klang, industri bakal berkembang

SHAH ALAM - ECRL merupakan kemudahan yang akan dibangunkan bagi memudahkan rakyat Kelantan dan sumber pertanian termasuk perikanan dapat digunakan.

Pengerusi Persatuan Nelayan Negeri Kelantan (Peneka), Ilias Hassan berkata, melalui kemudahan kargo yang disediakan ECRL, ikan yang didaratkan di Kompleks Pendaratan Ikan LKIM seperti di Tok Bali dapat dipasarkan terus ke Lembah Klang

"Ia sekali gus dapat menjimatkan masa penghantaran serta kos tambang barang.

"Sebagai contoh jeti pendaratan ikan milik LKIM di Tok Bali akan memberi kemudahan kepada nelayan tempatan dan sekitarnya



Pembinaan ECRL bakal menjadikan Tok Bali sebagai exit point akan mengembangkan lagi industri perikanan.

untuk mendaratkan ikan seterusnya menjadi pusat pengumpulan pendaratan ikan," katanya.

Katanya, sebelum ini kebanyakan ikan didaratkan di

merata tempat termasuk yang dipasarkan di negara jiran.

Tambahnya, menerusi pangkalan yang dicadangkan, pusat pengumpulan pendaratan ikan ini juga da-

pat mewujudkan pasar ikan segar seterusnya menetapkan harga pasaran yang lebih berpatutan.

"Pembinaan ECRL yang menjadikan Tok Bali se-

bagai exit point akan mengembangkan lagi industri perikanan.

"Masyarakat nelayan percaya dengan adanya ECRL, jeti-jeti di sekitar Kelantan akan membangun dengan lebih pesat.

"Ini kerana permintaan ikan dari Pantai Timur dapat dipasarkan terus ke Lembah Klang, bahagian selatan dan pantai barat Semenanjung pada harga berpatutan selain dijamin kesegarannya.

Katanya, kemampuan dan kemudahan pelabuhan di Tok Bali turut menjadi penyumbang ke arah mempercepat potensinya sebagai hab serantau.

"Dalam pada itu, ada cadangan untuk penambahan kilang ais dan bilik sejuk bagi menampung isu ke-

kurangan bekalan ikan musim tengkujuh serta pergerakan hasil ikan ke kawasan," katanya.

Mengikut statistik dikeluarkan Jabatan Perikanan Malaysia, Kelantan merupakan negeri yang mempunyai jumlah vesel laut dalam tertinggi berbanding negeri lain.

Daripada 1,253 vesel laut dalam di Malaysia, sebanyak 347 vesel laut dalam (28 peratus) adalah dari Kelantan.

Sebanyak 148,938 tan metrik (40 peratus) daripada 381,260 tan metrik pendaratan ikan laut dalam Malaysia adalah disumbangkan dari negeri itu.

Sebahagian besarnya pula mendapat pasaran di bandar-bandar besar termasuk Kuala Lumpur.